

KERATAN AKHBAR

KWONG WAH YIT POH & PENANG SIN POE

TARIKH: 09 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: A5

VIDEO PENDEK PENANGKAPAN ANJING TERBIAR OLEH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ) MENIMBULKAN KONTROVERSI

DYMM TENGKU PERMAISURI SELANGOR BERASA AMAT KESAL

[KUALA LUMPUR] Video pendek penangkapan anjing secara ganas oleh pasukan penangkapan anjing MPSJ selama 13 saat ini yang telah ditular pada minggu lepas telah menimbulkan perasaan kekesalan oleh DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Norashikin.

Dalam kenyataan baginda di Facebook Selangor Royal Office beberapa hari yang lepas, sebagai Penaung Diraja kempen Stray Free Selangor (SFS), baginda kecewa dan sedih kerana kejadian kejam seumpamanya masih berlaku dalam masyarakat meskipun banyak kempen kesedaran telah dilaksanakan yang membabitkan haiwan-haiwan terbiar. Oleh itu, baginda ingin menggesa agar pihak-pihak berwajib lebih peka dan berperikemanusiaan dalam menguruskan kes-kes membabitkan haiwan-haiwan terbiar di jalanan.

Selepas itu, kerajaan Negeri Selangor melalui YB Ng Sze Han telah memohon maaf di atas tindakan kasar anggota MPSJ terbabit terhadap baginda. Baginda berharap prosedur penangkapan haiwan-haiwan jalanan yang telah ditetapkan seharusnya dipatuhi untuk memastikan kesejahteraan haiwan itu dan juga keselamatan kakitangan pihak berkuasa tempatan yang terlibat. Baginda turut menasihati semua pihak, tidak kiralah kakitangan, pihak berkuasa atau masyarakat secara amnya, supaya menyemai sifat belas kasihan terhadap haiwan-haiwan terbiar yang memerlukan bantuan. Baginda juga mengingatkan Akta Kebajikan Haiwan 2015 telah jelas memperuntukkan bahawa hukuman denda RM20,000 hingga RM100,000 dan/atau penjara sehingga 3 tahun boleh dikenakan terhadap sesiapa yang melakukan kekejaman terhadap haiwan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN